

12 APR 2001

SALAK PROPERTY-PELANCARAN

SALAK PARK LANCAR KONDOMINIUM KETUMBAR HILL

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Salak Park Property Sdn Bhd, anggota Kumpulan Mahajaya, hari ini melancarkan Ketumbar Hill, projek kondominium kos sederhana terbaru bernilai RM60 juta, di Bandar Baru Cheras Utama.

Pengurus besar bahagian jualan dan pemasaran, B.H. Tan, berkata syarikat itu mensasar untuk mencapai jualan RM98 juta bagi Ketumbar Hill yang terdiri daripada tiga blok menara dengan sejumlah 543 unit kondominium.

Kondominium itu yang dijangka siap pada 2004, akan dibina untuk menyediakan "kehidupan gaya pusat peranginan" pada harga kos sederhana yang berpatutan, kata Tan.

Harga unit kondo itu adalah antara RM116,800 hingga RM253,800 dan bergantung kepada saiz binaan yang berukuran daripada 750 kaki persegi kepada 1,203 kaki persegi.

Projek itu adalah yang terbaru yang diusahakan oleh Salak Park Property Sdn Bhd, selepas kejayaan pelancaran Ketumbar Heights pada 1997, ketika tempoh kegawatan ekonomi.

Tan berkata kejayaan pelancaran Ketumbar Heights yang berjaya dijual dalam tempoh enam bulan di tengah-tengah suasana kemelesetan telah memberikan keyakinan tambahan kepada syarikat itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran kondo tersebut di sini, hari ini.

Daripada segi pilihan bagi pembeli rumah, beliau berkata projek itu akan menawarkan pelan rangka yang unik dan fleksibel bagi pembeli-pembeli iaitu dalam menyediakan pembeli dengan pilihan memilih daripada empat reka bentuk standard dengan 12 pilihan yang berbeza.

Selain itu, syarikat berkenaan juga akan memperkenalkan insentif dan faedah seperti "Maha Plus plus" dan "Maha 28". Insentif lain termasuklah Skim "Maha Loan Protector", yuran peguam percuma bagi permeterian Perjanjian Jualan dan Belian dan juga mata Bonuslink dengan setiap RM5 bersamaan dengan satu mata.

-- BERNAMA

SI SD ZK